

BAHASA MELAYU



saujana.sg

PENGGOLONGAN KATA

kata nama am

MOHAMED NAIM DAUPI



KATA NAMA



Kata nama am ialah kata yang secara umum menyatakan orang, benda, haiwan, tumbuh-tumbuhan dan sebagainya. sama ada bernyawa atau tidak bernyawa.

Saya burung. Saya hinggap di dahan sebatang pokok. Saya memakai payung sebab hari hendak hujan.



YANG BERNYAWA:

MANUSIA :

doktor polis penari
hartawan penipu imam

BINATANG :

semut gajah ular
kutu belalang nyamuk

TUMBUHAN

rambutan pokok ubi semalu
cendawan mangga orkid

YANG TIDAK BERNYAWA:

BENDA:

payung
tas tangan

dompet
boneka

satelit
buku

TEMPAT:

kamar
sungai

gelanggang
kampung

negeri
taman

PAKAIAN

kebaya
syunfu

singlet
selendang

stoking
dhoti

Gariskan Kata Nama Am:

- 1 Polis telah memberkas pengganas yang jahat itu.
- 2 Ular senduk itu membelit seekor kambing.
- 3 Dia menanam pokok mangga dan pokok durian.
- 4 Cik Haliza membawa payung dan beg tangannya.
- 5 Pak Mat mempunyai kebun dan sawah di negeri itu.
- 6 Wang pemberian ibunya hilang ketika dia bermain bola di padang itu.
- 7 Perpustakaan yang berusia hampir lima puluh tahun itu akan dirobohkan.
- 8 Pelancong-pelancong itu kehilangan bagasi mereka.
- 9 Ayam-ayam peliharaannya mati kerana diserang kuman yang merbahaya.
- 10 Banduan yang lari dari penjara itu telah diberkas.

Kata Nama Am boleh dibahagikan kepada:

KATA NAMA AM KONKRIT

KATA NAMA AM ABSTRAK

KATA NAMA AM KONKRIT

merujuk jenis kata nama yang membawa maksud konsep kebendaan yang ketara kehadirannya.

kutu	pejabat	jari	helikopter
ketua	gunung	reban	jambatan
kota	duta	filem	cendawan

KATA NAMA AM ABSTRAK

Nama sesuatu yang dapat dirasakan adanya hanya dalam fikiran, khayalan dan kepercayaan.

roh	kayangan	neraka	idea
pari-pari	akal	impian	jembalang
motavasi	hantu	mimpi	imaginasi

KATA NAMA AM KONKRIT

Isikan tempat kosong dengan kata nama am konkrit yang sesuai:

- 1 _____ yang bertudung hijau itu kakak saya.
- 2 Semua _____ syarikat itu akan diberikan bonus tambahan.
- 3 Semua _____ yang mendarat di planet Marikh itu terkorban kerana kekurangan _____
- 4 Sahak pun memetik _____ lalu menyerahkannya kepada bakal _____ nya.
- 5 Ketika berucap, _____ yang baru terlantik itu memulakannya dengan serangkap _____.

KATA NAMA AM ABSTRAK

Isikan tempat kosong dengan kata nama am abstrak yang sesuai:

- 1 Tiba-tiba, _____ berubah menjadi mendung dan _____ pula bertiup kencang.
- 2 Saya mula bosan mendengar _____ nya yang karut-marut itu.
- 3 Kami tidak pernah lupa akan _____ dan _____ Cikgu Latiff.
- 4 Manusia yang bernyawa memerlukan makanan, minuman, dan _____
- 5 _____ yang menjelma di situ menyeramkan kami.

TAMAT